

BAB I

PENGERTIAN DAN SISTEM PILIHANRAYA

Sesebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi seperti di Malaysia ini, tidak akan dapat lari daripada mengadakan pilihanraya untuk membentuk sebuah kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Ini adalah kerana sesebuah negara demokrasi itu adalah diperintah oleh rakyat melalui badan-badan yang diwakili oleh wakil-wakil Rakyat yang akan menyuasakan hasrat dan kepentingan rakyat.

Pilihanraya sebagai unsur tunggal yang paling penting dalam sesebuah negara yang mengamalkan perinsip demokrasi. Dengan adanya pilihanraya, dapatlah rakyat memaparkan hasrat dan kehendak mereka. Peruntukan-peruntukan mengenai pilihanraya telah dimasukkan dalam perlembagaan sesebuah negara yang mengamalkan sistem demokrasi.

Pilihanraya sebagai satu konsep umum, iaitu satu proses dimana orang-ramai yang layak dan berhak, memilih wakil-wakil mereka untuk mewakili mereka di Badan-badan Perundangan yang tertentu.

Oleh kerana demokrasi berpegang kepada pilihanraya sebagai satu cara atau alat untuk menentukan kuasa memerintah, maka sangatlah penting pilihanraya itu dijalankan dengan bebas, adil dan jauh daripada perkara-perkara yang boleh merosakan pilihanraya itu. Sistem pilihanraya yang benar-benar mematuhi kehendak-kehendak demokrasi ialah sistem pilihanraya yang berjalan dengan bersih, saksama dan penuh kebebasan.

Malah sifat kebebasan pilihanraya ini diakui di dalam Peristiharan Hak-hak Kemanusiaan Sajagat, 1948 (Peristiharan ini telah diluluskan oleh Persidangan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu pada tahun 1948). Menurut Perkara 21(1), Peristiharan itu, tiap-tiap orang mempunyai hak untuk mengambil bahagian dalam kerajaan negara masing-masing, secara langsung atau melalui perwakilan-perwakilan yang dipilih secara bebas. Sementara itu Perkara 21(3) pula menyebut, kehendak rakyat adalah asas kekuasaan kerajaan, kehendak itu dikemukakan dalam pilihanraya yang dijalankan secara undi sulit.

Jaminan kebebasan pilihanraya juga ada disebutkan dalam Bill of Right, 1688, United Kingdom dan Bill of Right, 1791, Amerika Syarikat (Article 15), yang menetapkan hak ini bagi semua orang, tanpa mengira bangsa, warna kulit dan lain-lain perbezaan.

Ini menunjukkan betapa rakyat patut diberikan hak menentukankan teraju pemerintahan negara melalui pilihanraya. Pilihanraya ini pula perlulah dijalankan dengan bebas. Kebebasan rakyat untuk mengundi perlulah dijamin. Kebebasan ini tidak boleh disekat. Untuk menentukan kebebasan rakyat dalam menggunakan hak ini, maka pilihanraya itu perlu dijalankan secara undi sulit. Selain daripada itu, pilihanraya adalah milik setiap rakyat, tanpa mengira bangsa, ugama, warna kulit dan lain-lain lagi.

Makna Pilihanraya

Pilihanraya adalah sebahagian daripada peroses demokrasi.

Melaluinya ditetapkan siapakah yang akan memegang kuasa.¹ Sistem pilihanraya disusun untuk melihat supaya peroses politik dan perlembagaan memperuntukan supaya dilahirkan kumpulan pemerintah yang dipilih, dengan hasrat dan aspirasi rakyat.² Penentuan hasrat dan pilihan rakyat adalah satu perkara yang penting dalam sesuatu sistem pilihanraya itu. Melalui pilihanraya, satu badan perwakilan rakyat dibentuk. Badan ini akan mengambarkan hasrat dan menyuarakan kepentingan-kepentingan rakyat. Banyak pendapat yang menyatakan, melalui pilihanrayalah dapat diwujudkan satu kerajaan yang kuat dan setabil. Sesuatu sistem pilihanraya yang berjaya ialah sistem yang memenuhi erti dan memahami fungsinya.

Pilihanraya membentuk dan menentukan komposisi sesebuah badan perwakilan rakyat. Pilihanraya menentukan sejauhmana parti-parti diwakili disitu. Melalui pilihanraya rakyat diberi peluang menyuarakan pilihannya. Ini bermakna rakyat terikat secara langsung dalam memilih sesiapa yang berkuasa dalam sesebuah negara itu. Walau apapun cara atau corak pilihan yang dibuat, namun ertinya tetap satu, memilih sesiapa yang akan mewakili rakyat. Dengan ini kepentingan-kepentingan dan hasrat rakyat dapat disalurkan dengan baik.

¹ Plamenatz, John: Electoral Studies and Democratic Theory, Political Studies, The Journal of the Political Studies Association of the United Kingdom, Vol. 6, Oxford, 1958, m.s. 9.

² Sartori, Giovanni: Electoral Studies and Democratic Theory, Political Studies, The Journal of the Political Studies Association of the United Kingdom, Vol. 6, Oxford, 1958, m.s. 11.

Pilihanraya untuk membentuk sebuah badan perwakilan rakyat adalah penting. Melalui pilihanraya kepemimpinan yang mempunyai kuasa majoriti dapat kuasa mencorakan polisi.³ Sifat pilihanraya yang diadakan secara berkala itu adalah penting. Ini memberikan peluang kepada rakyat membuat penilaian bagi pemilihan yang selanjutnya. Ini juga mengingatkan badan yang dipilih itu akan peranannya, jika tidak, pengaruh mereka akan merosot dan luput.

Pilihanraya juga kadang-kadang dianggap sebagai proses memberi persetujuan dan sokongan dengan mengharapkan pembalasan pembalasan yang tertentu.⁴ Pengundi bersetuju mengundi dan menyokong sesuatu pihak dan pihak itu pula menjayakan polisi-polisi atau manifesto yang telah dijanjikan itu.

Sesuatu sistem pilihanraya yang menekankan kepentingan perwakilan yang berbagai-bagai, mungkin menghadapi masalahnya sendiri.

Apa yang dapat ditegaskan dengan pilihanraya ialah memberi peluang kepada kerajaan yang dipilih oleh rakyat itu dijalankan secara demokrasi.

Sistem-sistem Pilihanraya

Tidak ada satupun sesuatu sistem pilihanraya itu dapat

³Milnor, A.J.: Election and Political Stability, Litter Brown & Co. Boston, U.S.A., 1969, m.s. 4.

⁴Ibid., m.s. 5.

dikatakan baik, melainkan ianya membentuk sesebuah kerajaan bagi sesebuah negara itu, disamping memberi kuasa kepada pihak-pihak tertentu.

Sesuatu sistem pilihanraya itu hendaklah dibangunkan atas asas yang kukuh dan bukan hanya atas dasar aspirasi sahaja.⁵ Sistem pilihanraya adalah menentukan corak negara itu buat sesuatu jangka masa atau pada jangka masa yang panjang.

Ada berbagai sistem pilihanraya di dunia ini. Tiap-tiap sistem pilihanraya yang diadakan disesebuah negara itu hendaklah sesuai dengan kehendak dan keadaan negara itu sendiri. Antara negara-negara di dunia ini yang mempunyai sistem pilihanraya yang tersendiri ialah British, Australia, Germany, Russia dan lain-lain lagi.

Sementara itu ada beberapa sistem pilihanraya yang utama. Antaranya ialah 'The First Past the Post', sistem 'Alternative Vote,' sistem 'Proportional Representation' dan lain-lain lagi.

A. Sistem First Past The Post

Salah satu sistem pilihanraya yang utama ialah sistem 'First Past The Post'. Sistem ini diamalkan di Britain dan beberapa negeri bekas jajahan takloknnya. Menurut sistem ini, seseorang calon yang mendapat undi yang paling banyak dianggap menang

⁵Ibid., m.s. 57.

pilihanraya yang berkenaan itu.⁶ Sistem ini dianggap sebagai satu sistem yang telah lama diamalkan.⁷ Biasanya dalam sistem ini terdapat corak 'satu wakil bagi satu daerah' (single member constituency system). Ini adalah kerana pada tiap-tiap kawasan itu cuma memilih seorang wakil yang mewakili kawasan yang berkenaan itu. Olehkerana ini, seseorang calon yang bertanding dalam pilihanraya yang mengamalkan sistem ini terpaksa berusaha untuk mendapatkan sebanyak-banyak undi yang boleh untuk mewakili sesuatu kawasan itu.

Sistem ini adalah baik diamalkan, jika terdapat cuma dua orang calon yang bertanding bagi sesuatu pilihanraya itu. Disini calon yang menang, pasti mendapat kelebihan undi majoriti yang mengatasi pihak yang satu lagi. Tetapi sistem ini tidak dapat menjamin seseorang calon itu menang dengan undi majoriti yang lebih sekiranya terdapat lebih daripada dua calon yang bertanding. Kadang-kadang dalam keadaan begini, calon yang menang itu, cuma dikatakan menang, kerana ia mendapat undi yang lebih daripada calon-calon yang lain. Disini ia mungkin mendapat kurang daripada separuh daripada undi keseluruhan. Tetapi ia diistiharkan menang kerana kelebihan undinya daripada calon-calon yang lain.

Berikut ialah contoh bagaimana sistem 'First Past The Post' ini diamalkan di sesuatu kawasan pilihanraya itu. Uapannya

⁶ Lakenon, How Democracies Vote, Faber and Faber, London, m.s. 29.

⁷ Milnor, A.J., op. cit., No. 3, m.s. 39.

terdapat tiga orang calon yang bertanding, kita namakan mereka itu sebagai A, B dan C. Menurut sistem ini seseorang calon yang mendapat undi terbanyak memenangi atau mewakili kawasan pilihanraya itu, katakan undi-undi yang didapati oleh calon-calon itu seperti berikut:

A mendapat 950 undi
B mendapat 700 undi
C mendapat 300 undi

Disini A mendapat undi yang paling banyak jika dibandingkan dengan lain-lain calon. Olehkerana itu A dianggap sebagai yang menang atau yang terpilih, walaupun mewakili kurang dari 50 peratus daripada pengundi.

Ada penulis yang membahagikan sistem ini kepada tiga jenis, iaitu 'Simple Plurality', 'Majority Representation' dan 'Minority Representation'.⁸ 'Simple Plurality System' adalah paling sesuai dalam keadaan dimana cuma terdapat dua orang calon sahaja yang bertanding, seperti yang biasa diamalkan di Britain. Sistem 'Majority Representation' pula adalah untuk menentukan supaya calon yang menang itu mewakili golongan majoriti terbanyak.

B. Sistem 'Alternative Vote'

Selain daripada itu terdapat juga satu lagi sistem pilihanraya yang dinamakan sebagai sistem 'Alternative Vote'.

⁸ Mackenzie, W.J., Free Election, George Allen and Unwin, London, 1967, m.s. 50 - 60.

Sistem ini ada diadopsikan di Australia. Penulis seperti Mackenzie menganggap bahawa sistem ini adalah satu cabang daripada sistem 'First Past The Post'.⁹ Tetapi disini adalah lebih baik jika ditinjau sistem ini secara berasingan. Di Australia, sistem 'Alternative Vote' yang diadopsikan ini adalah campuran daripada prinsip 'kawasan wakil tunggal' (single member constituency) dan prinsip 'undi keutamaan' (preferential voting).¹⁰ Sistem ini boleh menjamin seseorang calon itu memenangi sesuatu pilihanraya itu dengan undi majoriti, berdasarkan kiraan undi terakhir yang muktamad.

Dalam sistem ini, pengundi diberikan sehelai kertas undi yang di atasnya terdapat nama-nama calon yang bertanding bagi sesuatu kerusi. Pengundi itu akan menempatkan calon itu menurut keutamaannya, pada himatnya sendiri, selepas itu kertas-kertas undi akan dikumpulkan. Pengiraan undi dibuat secara berperingkat peringkat, bagi menentukan siapakah yang berjaya.

Mula-mula akan dikira jumlah undi yang diberi pada calon yang ditempatkan pada pilihan utama pengundi. Mana-mana calon yang mendapat kelebihan undi majoriti yang mutlak (melebihi 50 peratus undi yang dibuang) ia akan terpilih. Tetapi jika tidak terdapat begitu, kiraan seterusnya akan dibuat pada undi

⁹ Ibid., m.s. 55.

¹⁰ Milnor, A.J., Op. cit., No. 3, m.s. 68.

pilihan kedua. Begitulah seterusnya, pengiraan akan dibuat berperingkat-peringkat menurut kuantiti undian, sehingga akhirnya terdapat seorang calon yang benar-benar mendapat undi majoriti yang mutlak. Disini ia akan diistiharkan sebagai menang.

C. Sistem 'Proportional Representation'

Sistem ini adalah menggalakan penglibatan rakyat dalam proses pemilihan melalui perinsip-perinsip perwakilan, dengan cara memberikan seberapa banyak suara yang mungkin dalam Badan Perundangan.¹¹ Tujuan sistem ini ialah untuk mendapatkan perwakilan yang sewajarnya. Sistem seperti ini mempunyai fungsi menghasilkan Badan Perundangan yang dapat menggambarkan corak fikiran, kepercayaan dan emosi pemilih-pemilih. Sistem ini mengandaikan fungsi asas demokrasi ialah untuk mewujudkan 'oligarchic elite' supaya polisi yang dihasilkan memberi faedah yang menyeluruh kepada rakyat terbanyak.¹²

Sistem 'Proportional Representation' boleh ditafsirkan sebagai satu sistem undian yang mengandungi cara untuk membahagikan kerusi-kerusi berkadaran (proportion) kepada undi-undi yang diberikan oleh tiap-tiap calon dalam sesuatu kawasan pilihanraya yang tertentu.¹³

¹¹ Milnor, A.J., ibid., m.s. 14.

¹² ibid., m.s. 73.

¹³ Mackenzie, W.J.H., Op. cit., No. 9, m.s. 61.

Terdapat dua corak sistem ini yang utama, iaitu 'single' transferable vote' dan 'sistem senarai' (list system). Kedua-dua corak ini mempunyai maksud yang sama iaitu menggambarkan 'mood' pengundi pada masa pilihanraya.¹⁴ Kedua-duanya menggunakan teknik asas yang sama iaitu dalam menentukan kerusi Badan Perundangan, dengan menggunakan 'quota' kepada jumlah undi dan mengira kerusi menurut bilangan 'quota' yang tiap-tiap parti terima. Quota itu dikira dengan cara yang sama, dengan hanya mengira bilangan kerusi yang dipertandingkan dan membahagikannya kepada jumlah undian. Tiap-tiap satu 'quota' yang seseorang calon itu dapat satu kerusi dalam Badan Perundangan diberikan kepadanya. Cuma satu 'quota' yang diperlukan bagi mendapat satu kerusi.

Disebalik teori sistem 'Proportional Representation' ini terdapat satu anggapan tentang sifat proses perundangan dan peranan Badan Perundangan dalam proses politik am. Bagi orang yang menyokong sistem ini menganggap Badan Perundangan sebagai saluran perhubungan diantara kerajaan dan rakyat. Ia hanyalah sebagai 'a creature and extension of the electoral process'.¹⁵

Amalan sistem ini selalunya melihat bahawa pemilih sebagai satu kumpulan pemilih dan bukan sebagai ahli-ahli sesuatu kawasan pilihanraya.

¹⁴ Milnor, A.J., Op. cit., No. 3, m.s. 73.

¹⁵ Ibid., m.s. 98.

Sebagaimana yang dikatakan tadi, ada dua corak lagi yang terdapat dalam sistem ini, iaitu sistem 'Single Transferable Vote' dan Sistem Senarai.

Sistem 'Single Transferable Vote', diwujudkan untuk menentukan tiap-tiap undi itu berkesan. Tujuannya ialah untuk memberi peluang tiap-tiap warganegara mengambil bahagian secara bebas dalam memilih perwakilannya. Faedahnya pula ialah memberi kemungkinan perwakilan yang adil dan suara yang cukup.¹⁶

Dalam sistem senarai, pengundi dikehendaki memilih bukan antara individu-individu tetapi diantara senarai-senarai calon yang tiap-tiap satunya ditaja oleh sesebuah parti. Ini boleh dikatakan sebagai sistem 'Voting the Party Ticket'. Menurut sistem ini pengundi tidak perlu tahu nama-nama calon yang diundinya kerana sistem ini berdasarkan pada sesuatu parti dan senarai calon-calonnya.¹⁷ Olehkerana itu, seseorang pengundi hanya boleh menyokong sesebuah parti.

Kita telahpun mengkaji berbagai sistem pilihanraya. Sesuatu sistem pilihanraya yang dianalkan di sesebuah negara itu hendaklah sesuai dengan keadaan dan kehendak negara itu sendiri. Ini adalah untuk menjamin supaya pilihanraya itu dapat memenuhi fungsinya

¹⁶ Lakeman, Op. cit., No. 7, m.s. 11

¹⁷ Milnor, A.J., Op. cit., No. 3, m.s. 25.

secara efektif dan dapat berjalan dengan lancar. Dalam memilih sesuatu sistem itu, perlulah dikaji masalah dan kehendak negara itu sendiri. Meniru sesuatu sistem yang diamalkan oleh negara lain secara melulu selalunya adalah kurang baik. Ada lebih baik sebelum memilih sesuatu sistem itu, dikaji dahulu keadaan negara itu, supaya sistem yang sesuai dapat dijalankan.

Masalah Dalam Penentuan Sistem Pilihanraya di Malaysia

Malaysia sebagai sebuah negara demokrasi, menghadapi masalahnya sendiri dalam membentuk sebuah sistem pilihanraya. Ini adalah semata-mata untuk menjamin terdirinya kerajaan yang representatif dan efektif.

Dalam membentuk sesuatu sistem pilihanraya di Malaysia, beberapa perkara perlu diperhatikan dan dipertimbangkan. Kita perlu meninjau keadaan-keadaan dan masalah-masalah yang dihadapi oleh Malaysia berkaitan dengan perkara ini. Perkara-perkara ini sebenarnya telah difikirkan sejak awal lagi, ketika ada ura-ura untuk mengadakan pilihanraya di Tanah Melayu pada tahun 1955 dahulu.

Salah satu perkara yang dipertimbangkan ialah faktor penduduk-penduduk. Malaysia mempunyai penduduk yang berbilang bangsa yang mempunyai berbagai-bagai ragam perbezaannya. Bangsa-bangsa yang terbesar ialah Melayu, China dan India. Orang Melayu meliputi kira-kira 53.2 peratus, China 35.4 peratus dan India 10.6 peratus.¹⁸

¹⁸ Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia, 1970, Kuala Lumpur, Jabatan Perangkaan Malaysia.

Perbezaan antara tiap-tiap bangsa meliputi soal-soal kepentingan ekonomi, taburan kediaman, perbezaan kepentingan dan lain-lain lagi. Umpamanya orang-orang Melayu lebih banyak menjadi pegawai-pegawai kerajaan, petani, nelayan dan lain-lain, orang China pula banyak menguasai bidang perdagangan dan perniagaan, orang-orang India pula, bertaburan memasuki mana-mana lapangan, tetapi banyak juga menjadi buruh-buruh ataupun pekerja-pekerja ladang.

Dari segi tempat kediaman, orang-orang Melayu lebih banyak mendiami kawasan-kawasan luarbandar. Orang China pula ramai mendiami kawasan-kawasan bandar dan kawasan-kawasan dimana menjadi tumpuan perniagaan, perdagangan dan perkilangan. Orang India pula bertaburan tetapi lebih ramai mendiami bandar-bandar dan ladang-ladang.

Dari segi kedudukan ekonomi, nyatalah orang China lebih kukuh. Ini adalah kerana mereka lebih bertumpu pada kegiatan-kegiatan ekonomi yang menguntungkan.

Malaysia juga menghadapi masalah-masalah yang lain. Tetapi masalah-masalah ini tidaklah begitu penting jika dibandingkan dengan masalah faktor penduduk ini. Masalah penduduk yang berbilang bangsa ini juga boleh menimbulkan kerumitan dalam mewujudkan satu sistem pilihanraya yang sesuai untuk negara ini. Tegasnya disini, masalah yang dihadapi oleh Malaysia ialah mengadakan satu pilihanraya yang baik bagi penduduknya yang berbilang bangsa. Masalah ini hampir serupa seperti dihadapi oleh negara-negara yang penduduknya berbilang bangsa. Sesuatu sistem pilihanraya yang

sesuai perlu dipilih, supaya disamping dapat memberi hak penyuaran yang efektif, juga dapat mewujudkan kerajaan yang setabil.

Sebagaimana dikatakan tadi, tiap-tiap bangsa ini mempunyai kepentingan mereka sendiri. Sistem pilihanraya yang diwujudkan itu hendaklah menjamin kepentingan-kepentingan itu juga.

Antara masalah yang wujud, ialah keadaan bilangan penduduk yang sama banyak. Ini menjelaskan, jika sesuatu kaum sahaja yang berkuasa, maka tidak akan didapati satu kerajaan yang kuat yang mempunyai majoriti yang baik. Dalam keadaan begini, perlu satu sistem pilihanraya yang dapat membentuk perpaduan, antara kaum-kaum itu. Ini semata-mata untuk menjamin wujudnya kerajaan yang kuat.

Jelasnya, sistem pilihanraya bagi negara seperti Malaysia hendaklah menghasilkan gambaran perpaduan, bukannya gambaran kekuasaan bagi sesuatu kaum sahaja.

Disamping itu ada cadangan dari beberapa pihak supaya diadakan satu cara daftar undi yang berasingan antara tiap-tiap kaum. Cadangan ini telah tidak diterima bila Tanah Melayu mula mengadakan pilihanraya pada tahun 1955. Ketika itu dirasakan lebih sesuai supaya diikuti cara daftar pengundi bersama supaya perpaduan antara kaum dapat dikekalkan.¹⁹ Tetapi jika cara daftar pengundi bersama digunakan, ia perlu mematuhi beberapa

¹⁹Ratnam, K.J., Paham Berkauman dan Proses Politik di Malaya, Penerbit Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1969, m.s. 205.

syarat. Cara ini tidak akan berfaedah melainkan jika ada saling percaya mempercayai diantara bangsa-bangsa dan kerjasama antara mereka dalam masyarakat itu.²⁰ Yang perlu ialah kerjasama di atas dasar undian bertaraf sama.

Sistem daftar undi menurut kaum sebenarnya satu prinsip yang statik. Walaupun sistem itu mengizinkan penyertaan wakil-wakil semua kaum dalam pemerintahan, namun sistem ini tidak banyak memudahkan dan mendorong kerjasama antara kaum.

Keadaan penduduk yang berbagai bangsa ini juga menimbulkan masalah pada proses persempadanan. Adakah perlu membuat persempadanan atas dasar kaum? Adakah tiap-tiap satu kawasan, kaum itu dianggap sebagai satu kawasan pilihanraya? Soalan-soalan ini selalu menjadi masalah. Ketika pilihanraya hendak diadakan pada tahun 1955, Suruhanjaya Persempadanan membuat keputusannya sendiri, dalam persempadanan kawasan-kawasan pilihanraya. Suruhanjaya itu telah mengabaikan seluruhnya pertimbangan berdasarkan bangsa. Tetapi mereka telah memperhitungkan perkara-perkara lain seperti tempat kediaman penduduk dan sifat kerja penduduk.²¹

Corak yang diamalkan pada tahun 1955 ini terus dijadikan asas pada satu sistem pilihanraya yang diamalkan hingga masa ini,

²⁰ Mackenzie, W.J.M., Representation In Plural Societies, Political Studies, Vol. 2, 1954, Oxford, m.s. 63.

²¹ Ratnam, K.J., Op. cit., No. 19, m.s. 214.

yang jelasnya, sistem pilihanraya ini mengabaikan faktor bangsa. Ia mewujudkan satu daftar pengundi yang umum dan persempadanan kawasan pilihanraya yang tidak mengikut kaum. Apa yang ditekankan ialah keperluan untuk mewujudkan masyarakat yang bersempaduan.²² Tegasnya, sistem pilihanraya di Malaysia adalah disesuaikan bagi kepentingan perpaduan rakyat.

Sistem Pilihanraya di Malaysia

Malaysia mengikut satu sistem pilihanraya yang berasal dari British yang disebut sebagai sistem 'First Past The Post'. Sistem ini juga dikenali sebagai sistem 'wakil tunggal bagi satu kawasan' dengan undian majoriti mudah.²³ Menurut sistem ini, tiap-tiap satu kawasan diwakili oleh satu wakil yang dipilih, melalui pilihanraya. Calon yang dianggap menang bagi pilihanraya itu ialah yang mendapat kelebihan undi majoriti.

Perlembagaan Persekutuan memperuntukan beberapa perkara mengenai pilihanraya. Peruntukan-peruntukan ini merupakan perisikata kepada sistem pilihanraya yang diamalkan di Malaysia.

Perkara 113 memperuntukan tentang wujudnya Suruhanjaya Pilihanraya yang diserahkan tugas untuk menyediakan penjelasan

²² Singer, Irene, Malayan Election: Electoral Patterns For Plural Societies, Western Political Quarterly, Vol. 9, Jun 1954, 281.

²³ Bindseil, Reinhart, A Comparative Study of the Legal Position of Political Parties and their Potentiality to Occupy Seat of Parliament in Germany and Malaya, Malaya Law Review, Vol. 6, 1964.

pilihanraya. Ini termasuklah tugas-tugas menyediakan dan menyenak daftar pemilih, mengulangkeji bahagian-bahagian pilihanraya dan lain lain lagi.²⁴ Suruhanjaya ini dianggap sebagai satu badan yang bebas yang tidak menyebelahi mana-mana pihak. Perlembagaan anggota-anggota dibuat menurut peruntukan perlembagaan.²⁵

Ia juga dibenarkan untuk mendapat apa-apa bantuan dan kerjasama dari badan-badan lain sewaktu menjalankan tugasnya. Suruhanjaya ini mempunyai struktur or organisasinya sendiri bagi melicinkan perjalanan sistem pilihanraya.²⁶

Mengenai bahagian-bahagian pilihanraya ada diperuntukan dalam Perkara 116 dan 117 Perlembagaan Persekutuan. Seorang wakil adalah dipilih dari tiap-tiap satu kawasan pilihanraya. Mengenai kerja pemecapadanan bahagian pilihanraya diserahkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya yang akan memberikan cadangan-cadangannya. Proses pemecapadanan ini dibuat dengan menurut perinsip-prinsip dan acara yang disebut dalam Jadual Ketiga-belas Perlembagaan Persekutuan Malaysia.

Sebelum pilihanraya yang sebenarnya dijalankan persiapan persiapan awal perlu dibuat. Antaranya ialah seperti menyiapkan daftar pengundi. Tugas ini dijalankan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

²⁴Malaysia, Perlembagaan Persekutuan, Jabatan Cetak Kerajaan, Kuala Lumpur, 1972, Perkara 113(1) dan 113(2).

²⁵Ibid., Perkara 114.

²⁶Ibid., Perkara 115.

Sesiapa yang layak mengundi boleh memohon untuk dimasukkan namanya dalam daftar pengundi. Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan memperuntukan kelayakan-kelayakan pemilih. Selain daripada itu, dari masa kemasa, Suruhanjaya akan menjalankan penyemakan daftar pemilih itu. Sebagai panduan kepada kerja pendaftaran dan penyemakan pemilih ini, terdapat satu peraturan yang dikenali sebagai Peraturan-peraturan (Pendaftaran Pemilih) Pilihanraya, 1971.

Peroses perjalanan pilihanraya dimulakan dengan penamaan calon. Hanya mereka yang mempunyai kelayakan sahaja boleh dicalunkan. Kelayakan untuk menjadi calon bagi pilihanraya, Dewan Rakyat adalah serupa dengan kelayakan seorang ahli Dewan Rakyat. Begitujuga kelayakan menjadi calon bagi pilihanraya Dewan Undangan Negeri serupa dengan kelayakan seorang ahli Dewan Negeri. Perkara-perkara ini ada diperuntukan dalam perlembagaan-perlembagaan yang berkenaan.²⁷

Tugas untuk menjalankan sesuatu pilihanraya diserahkan kepada Suruhanjaya Pilihanraya, dengan mendapat bantuan dari Badan-badan yang lain.²⁸

Pilihanraya umum diadakan dalam tempoh enam puluh hari daripada tarikh pembubaran Parlimen bagi Malaysia Barat dan dalam tempoh sembilan puluh hari bagi Malaysia Timur.

²⁷ Ibid., Perkara 47 dan 48.

²⁸ Ibid., Perkara 113 dan Perkara 115.

Peroses penamaan calon adalah penting, dimana calon-calon yang ingin bertanding akan menghantar kertas penamaan masing-masing. Selepas selesai peroses penamaan, kompen-kompen pilihanraya akan diadakan oleh pihak-pihak yang bertanding untuk memenangi undi.

Sementara itu Suruhanjaya Pilihanraya akan menyiapkan tempat-tempat undi dan mengatur pegawai-pegawainya sebagai persiapan untuk hari mengundi.

Pada hari mengundi, pengundi-pengundi diminta membuat undian secara bebas. Undian dibuat secara sulit. Seorang pengundi mempunyai satu undi atau satu suara.

Selepas undian ditutup, undi-undi akan dikira, mana-mana calon yang mendapat undi majoriti akan dianggap sebagai menang dalam pilihanraya itu. Pengumuman akan dibuat atas kemenangan itu. Ini bermakna seselailah peringkat yang penting dalam sistem pilihanraya di Malaysia.

Selain daripada itu untuk menjamin perjalanan sistem pilihanraya yang baik, terdapat undang-undang yang menyebut beberapa kesalahan pilihanraya. Undang-undang ini disebut sebagai Akta Kesalahan-kesalahan Pilihanraya, 1954. Sesiapa yang dianggap sebagai melakukan kesalahan-kesalahan pilihanraya akan dihukum dengan sewajarnya.

Begitulah secara ringkas gambaran sistem pilihanraya yang dianalkan di Malaysia. Tinjauan secara mendalam tentang tiap-tiap aspek sistem ini akan dibuat dalam bab-bab yang berikut.